

28 JAN 2004

Sukan-F1 (Tiket)

HARGA TIKET F1 DIKURANGKAN, DISKAUN 50 PERATUS BAGI PELAJAR

KUALA LUMPUR, 28 Jan (Bernama) -- Dalam usaha menarik lebih ramai warga tempatan menyaksikan perlumbaan F1, Sirkuit Antarabangsa Sepang (SIC) hari ini mengumumkan diskaun khas sehingga 21 peratus bagi tiket-tiket untuk Grand Prix Malaysia Petronas 2004 termasuk diskaun 50 peratus bagi pelajar.

"Lembaga SIC telah memutuskan diskaun khas itu untuk menggalakkan lebih ramai warga Malaysia untuk datang ke sirkuit itu dan menikmati perlumbaan F1," kata pengerusinya Datuk Mokhzani Tun Mahathir dalam satu kenyataan hari ini.

Sementara harga tiket di tingkat atas grandstand masih dikekalkan, harga tiket di tingkat Citrine, Turquoise dan Jade dan juga grandstand K1 telah dikurangkan sehingga RM300.

Dengan harga baru itu, tiket-tiket di Crystal kini dijual pada harga RM1,200 berbanding RM1,400 sebelum ini untuk kesemua tiga hari perlumbaan dari 19 hingga 21 Mac. Pada masa yang sama tiket di Turquoise kini harganya ialah RM1,100.

Tempat duduk di Jade pula dijual pada harga RM1,000 bagi pakej tiga hari berbanding RM1,200 sebelum ini. Tempat duduk Platinum di Grandstand K1 telah dikurangkan daripada RM1,200 kepada RM1,000 sementara kerusi emas dikurangkan ke RM800, iaitu penjimatan sebanyak RM200.

"Mereka yang telahpun membeli tiket-tiket di tempat duduk terbabit pada harga sebelum diskaun akan dipulangkan perbezaan harga tiket itu. Bagi pembeli korporat, bayaran balik itu akan dibuat dalam bentuk tiket tambahan," dan Mokhzani menambah kata mereka boleh memanggil hotline tiket di 03-85262222 mengenai prosedur untuk mendapatkan balik perbezaan harga tiket itu.

"Pembeli korporat boleh memanggil terus bahagian jualan SIC di talian

03-85262075," tambah pengerusi SIC itu.

Bagi para pelajar pula, mereka boleh membeli satu tiket F1 setiap seorang pada harga RM50 untuk tempat duduk di Hillstand G, di mana harga sebenar tiket-tiket itu adalah RM100, untuk melihat secara langsung perlumbaan itu di Sepang pada 21 Mac. Bukti pengenalan diri sebagai pelajar diperlukan untuk melayakan diri bagi diskaun itu.

Bagi kakitangan kerajaan, SIC menawarkan diskaun 15 peratus di tempat duduk hillstand dengan setiap pembeli hanya boleh membeli maksimum dua tiket.

Para pelajar dan kakitangan kerajaan perlu membeli tiket mereka sebelum 14 Mac sama ada di sirkit itu atau semasa road show di seluruh negara yang akan bermula di Suria KLCC, di sini pada 6 Feb.

Roadshow itu akan ke Johor Baharu dari 12 hingga 15 Feb sebelum tiba di Melaka pada hujung minggu berikut. Promosi F1 akan diteruskan ke Ipoh dari 27 hingga 29 Feb sebelum kembali ke Kuala Lumpur.

Mokhzani berkata beliau berharap para peminat khususnya pelajar tidak akan melepaskan peluang ini.

Dengan hanya tinggal lapan minggu lagi untuk acara itu dan sasaran penonton seramai 120,000 orang, SIC sehingga ini telah menjual 10 peratus daripada jumlah tiket yang ditawarkan.

Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada pusingan kedua Kejohanan Dunia F1 2004 dari 19 hingga 21 Mac. Musim kali ini bermula di Melbourne, Australia pada 9 Mac.

-- BERNAMA
HRS KHY PR